

20/01/2001

Pak Lah minta UM batal hasrat tutup pusat asasi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap pihak Universiti Malaya (UM) membatalkan niat menutup Pusat Asasi Sains universiti berkenaan yang beroperasi sejak 1977.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penutupan itu mungkin menghalang usaha kerajaan sekarang yang mahu melahirkan lebih ramai pelajar berpendidikan dalam bidang sains dan teknologi.

"Ia satu kehilangan institusi yang selama ini membuktikan kemampuan untuk memberi pendidikan, pelajaran kepada anak-anak kita terutama Bumiputera. Ramai Bumiputera hari ini termasuk mereka yang menjadi ahli akademik di mana sahaja adalah asalnya dilahirkan di Pusat Asasi Sains UM ini.

"Saya harap pihak UM akan dapat memikirkan semula, kalau ada niat nak menutupnya. Adalah lebih baik, saya fikir pusat itu dibenarkan untuk terus beroperasi.

"Batalkanlah niat nak tutup pusat itu. Itu pandangan saya," katanya selepas majlis perasmian Pameran Pendidikan Tinggi dan Bimbingan Kerjaya 2001 anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sebuah akhbar tempatan hari ini melaporkan bahawa pusat itu yang diilhamkan bekas Naib Canselornya, Prof Diraja Ungku Aziz dan mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu Menteri Pendidikan, akan ditutup April ini.

Matlamat penubuhan 23 tahun lalu adalah untuk mengimbangi kemampuan pelajar Melayu untuk bersaing dengan bukan Melayu dalam semua bidang berteraskan sains di UM.

Abdullah berkata, perkara itu perlu dibincang dan diputuskan bersama oleh pihak UM dengan Kementerian Pendidikan.

Katanya, ini kerana keputusan mewujudkan Pusat Asasi Sains berkenaan juga bermula dengan keputusan yang dibuat Kementerian Pendidikan.

"Ia bukanlah bermula hanya daripada UM pada waktu itu dan setahu saya pusat ini mencapai kejayaan yang baik. Sejak pusat itu berfungsi di kampus UM, ramai pelajar Melayu mengikuti kursus Asasi Sains sebelum melanjutkan pelajaran mereka pada peringkat ijazah di UM.

"Ramai daripada mereka mendapat kelulusan dalam bidang berkaitan dengan sains dan teknologi, malah juga di peringkat kedoktoran," katanya.

Sementara itu, pada majlis yang sama Abdullah berkata, kerajaan mengenal pasti tujuh kelemahan dan kekurangan yang mengekang kemajuan sains dan teknologi di negara ini termasuk kekurangan guru terlatih bidang komputer dan teknologi maklumat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini termasuk kekurangan peralatan komputer dan pendidikan IT pada peringkat sekolah, terutama di luar bandar yang boleh membantut perkembangan pengetahuan IT.

"Penduduk luar bandar tidak mempunyai kemampuan memiliki peralatan IT disebabkan pendapatan rendah. Malah, budaya inovasi dan keusahawanan yang tidak begitu menggalakkan kerana masalah mendapatkan sokongan daripada sistem kewangan dan pasaran modal.

"Sebab lain ialah kecenderungan pelajar terhadap sains dan IT di sekolah rendah dan institusi pengajian tinggi (IPT) masih rendah," katanya

(END)